

SISC beri petunjuk positif pencapaian pelajar

B/H 8/7/2011 19

PROGRAM Jurulatih Khas Peningkatan Sekolah (School Improvement Specialist Coaches) (SISC), mensasarkan memperbaiki pencapaian pelajar dan membangunkan kapasiti guru melalui model latihan instruksional yang berkesan.

Menggunakan pendekatan sokongan di sekolah, jurulatih khas terdiri daripada guru pakar dan penyarah Institut Pendidikan Guru memberikan sokongan berterusan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran untuk guru dalam mengenali pasti sekolah rendah dan menengah kurang cemerlang. Di-

harapkan, proses latihan in-situ membantu mengurangkan jurang pencapaian pelajar di sekolah berkenaan.

Program SISC dimulakan pada tahun 2010 membabitkan 114 sekolah rendah kurang cemerlang (Band 6 dan 7) di Perak dan Sabah. Tahun ini, program ini dilaksanakan di 258 sekolah kurang cemerlang seluruh negara meliputi 124 sekolah rendah dan 134 sekolah menengah.

Sejumlah 510 kelas peperiksaan Tahun 6 dan Tingkatan 5 terbabit dengan inisiatif ini. Fokus utama adalah empat subjek di peringkat

sekolah rendah (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains) dan enam subjek peringkat sekolah menengah (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Geografi).

Latihan instruksional yang memanfaatkan perkongsian pintar satu-dengan-satu antara guru pakar terlatih atau jurulatih dengan guru dilihat sebagai strategi yang berkesan bagi membantu kedua-dua pihak dalam meningkatkan kemahiran pedagogi.

Sebagai tambahan, ia juga membantu mengekalkan perkembangan

profesional selain meningkatkan pencapaian pelajar.

Di bawah program SISC, jurulatih instruksional membuat tiga lawatan terhadap sekolah yang disasarkan. Pada lawatan pertama, carta Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) dibuat secara bersama antara jurulatih dan guru.

Justeru sasaran pencapaian menjadi asas kepada lawatan penyeliaan.

Jurulatih biasanya menjana topik perbincangan dan membantu pelatih dalam mengenal pasti keperluan akademik pelajar selain merancang bersama pelan pembe-

lajaran menggunakan latihan berasaskan-bukti.

Ringkasnya, jurulatih instruksional dapat dikatakan menyediakan sokongan bilik darjah sepenuhnya kepada guru justeru membentuk kumpulan pembelajaran profesional secara bersama.

Kesimpulannya, penerimaan yang menggalakkan program SISC daripada sekolah terbabit adalah petunjuk kepada kejayaan yang diharapkan dan meyakini bahawa proses melatih adalah berkesan dan mampu memberikan perubahan kepada pencapaian pelajar dan kejayaan sekolah.